

15/11/2003

MBM jangka 5 juta ucap terima kasih kepada Dr M

SHAH ALAM: Majlis Belia Malaysia (MBM) menjangka sebanyak lima juta poskad ucapan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang bakal disampaikan badan gabungan itu.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata penghantaran poskad yang direka khas itu dilakukan sempena pelancaran kempen 'Jasa Dikenang Pemimpin Disayang'.

Beliau yang juga Menteri Besar, berkata pihaknya mencetak lima juta poskad yang boleh didapati secara percuma di mana-mana pejabat badan gabungan MBM seluruh negara.

Katanya, program itu bertujuan memberi peluang menyatakan sendiri ucapan terima kasih rakyat kepada Perdana Menteri keempat itu sepanjang 22 tahun kepimpinannya.

"Melalui program ini, kita memberi peluang kepada segenap lapisan masyarakat menyatakan sendiri penghargaan mereka kepada pemimpin yang banyak berjasa ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pelancaran program itu di kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati di sini malam semalam, yang turut dihadiri 39 wakil badan gabungan.

Program penghantaran poskad yang tertera perkataan 'Terima Kasih Tun Dr Mahathir Mohamad' itu, adalah anjuran MBM dengan kerjasama Pos Malaysia.

Sambil menyatakan ikrar taat setia kepada kepimpinan baru yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Mohamad Khir berkata, program itu mendidik rakyat supaya menghargai pemimpin.

Melalui program itu, beliau berkata, MBM mahu mendidik rakyat terutama golongan muda supaya lebih menghargai pemimpin yang bersusah payah membangunkan tanah air.

"Pada masa ini, golongan muda tidak begitu menghiraukan soal pentadbiran negara dan isu semasa. Mungkin juga golongan muda tidak merasai apa-apa apabila Dr Mahathir bersara.

"Sebab itulah, program ini dianjurkan supaya generasi masa depan mempunyai sikap menghargai pemimpin," katanya sambil menambah program itu disertai semua peringkat usia, bangsa dan agama.